

17 OGOS 2017

Komited perangi dadah

SINAR HARIAN • KHAMIS 17 OGOS 2017

Komited perangi dadah

MANILA - Sekurang-kurangnya 32 orang maut dalam siri serbuan dadah polis Filipina di wilayah Bulacan, menjadikannya angka kematian tertinggi dalam satu hari dalam perjuangan negara itu menentang dadah.

Kesemua mereka yang terbunuh disyaki pesalah dadah bersenjata yang menentang pegawai berkuasa.

Menurut Superintenden Romeo Caramat dalam satu kenyataan, 67 operasi polis dipelbagai daerah di wilayah Bulacan selama lebih 24 jam itu turut menyaksikan 109 pesalah dadah ditahan.



Foto: AFP

Penunjuk perasaan berkumpul di Dewan Perwakilan bagi membantah tindakan keras Duterte memerangi dadah.

Sejak Presiden Rodrigo Duterte melancarkan kempen antidadah tahun lalu, beliau berikrar untuk meng-

hapuskan dadah dan lebih 3,000 kematian telah dicatatkan.

Dalam perkembangan

lain, pasukan keselamatan menghantar ratusan tentera ke wilayah utara untuk membantu memusnahkan lebih setengah juta ternakan dalam usaha menghalang penularan selesema burung selepas jangkitan pertama dilaporkan minggu lalu.

"Dengan 36 ladang kini bersedia untuk mengurangkan ternakan mereka, kami berdepan tugas bagi menghapuskan kira-kira 600,000 ternakan. Tentera akan dihantar untuk membantu proses itu," menurut Setiausaha Pertanian, Emmanuel Pinol.

-Agensi